

Keberkesanan Kepimpinan Berkarisma Melalui Aspek Jasmani Dan Rohani Yang Patuh Syariah Dalam Kalangan Pelajar Universiti

Mohd Kamarul Amree Mohd Sarkam^{1*},
Hasan Al-Banna Mohamed²
Mohd Hamran Mohamad³

¹Jabatan Kenegaraan, Kepimpinan & Ketamadunan, Fakulti Pengajian dan
Pengurusan Pertahanan,
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM),
Kem Perdana Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia

^{2,3}Jabatan Pengurusan Sumber Manusia Pertahanan, Fakulti Pengajian dan
Pengurusan Pertahanan,
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM),
Kem Perdana Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding Author
kamarul@upnm.edu.my

ABSTRAK

Kepimpinan adalah merupakan tunjang utama kejayaan bagi pentadbiran sesebuah organisasi. Tanpa keutuhan dalam pucuk pimpinan, pastinya sukar untuk diwujudkan keberkesanan dalam pentadbiran yang dijalankan. Oleh yang demikian, proses pembentukan pemimpin adalah merupakan elemen utama yang seharusnya dititikberatkan dalam melahirkan seorang pemimpin berkarisma tinggi. Perkara utama yang perlu dinilai ialah keseimbangan dalam diri individu yang melibatkan aspek jasmani dan rohani yang mematuhi keperluan syariah. Justeru, kertas kerja ini bertujuan membincangkan konsep penyelidikan yang dijalankan melalui gabungan kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Menerusi kajian ini juga, kedua-dua aspek tersebut akan diterokai secara mendalam bagi menjelaskan pemahaman yang tepat dalam konteks kepimpinan pelajar. Hasil penerokaan tersebut akan diperluaskan dengan melihat tahap signifikan masing-masing dengan kelestarian pemimpin berkarisma dalam kalangan pelajar universiti. Secara dasarnya, kedua-dua aspek insaniah iaitu jasmani dan rohani berupaya mendatangkan impak dan pengaruh yang besar terhadap kelestarian pemimpin berkarisma dalam kalangan pelajar universiti agar sentiasa mematuhi kehendak syariah Islamiyyah.

Kata kunci: Kepimpinan Berkarisma, Jasmani, Rohani, Pelajar Universiti, Patuh Syariah

ABSTRACT

Leadership is a back bone for the success of organizational administration. The leadership characteristic is actually play important role for this success. Therefore, emphasizing on the process of leader development need to be focused strongly because this is the appropriate mechanism to create a charismatic leader. The creation of charismatic leader can be assessed when individual has a balance of physical and spiritual that comply with shariah requirement. In line to this, the purpose of this paper is to discuss a research concept based on the combination of quantitative and qualitative methods. This study explored both physical and spiritual aspects in details to provide a clear understanding on students' leadership perspective. Moreover, this study investigates the relationship between physical, spiritual and charismatic leadership among the university students. Basically, physical and spiritual aspects have impacts on charismatic leadership among the university students especially in shariah Islamiyyah Compliance.

Keywords: Charismatic Leadership, Physical, Spiritual, University Students, Shariah Compliance

1. Pengenalan

Dewasa kini kepimpinan karismatik memain peranan penting dalam mencorakkan keberkesanan arahan dan pengaruh serta motivasi seseorang pemimpin terhadap pengikutnya yang secara tidak langsungnya dapat menjamin kekuatan dan kestabilan sesebuah organisasi. Kajian-kajian lepas banyak menguji aspek kepimpinan berdasarkan bentuk kepimpinan secara umum (Danim Sudarman, 2004; dan ada juga melihat kepada aspek dimensi kepimpinan seperti gaya transformasi dan transaksi (Azman et al., 2010; Bryan 2014; Mohd Hamran et al., 2015, 2014), Malah ada yang lebih mengkhusus lagi seperti memfokus kepada pengujian kepimpinan partisipatif, keterbukaan, autokratik dan direktif (Shams Ul Huda, 2014; Huang et al., 2010; Somech, 2005). Lebih menarik lagi, penyelidikan berkaitan kepimpinan karismatik turut dijalankan (Babcock-Roberson and Strickland, 2010; Bakker & Xantopoulou, 2013). Alasannya ialah kepimpinan karismatik telah diketahui sebagai satu gaya kepimpinan yang menggambarkan keupayaan seseorang pemimpin untuk mempengaruhi kelompok orang bawahannya yang ramai dan secara efektif berdasarkan ciri-ciri peribadi yang ada

padanya. Umumnya, kepimpinan karismatik penting dalam membina tadbir urus yang mantap dalam kalangan pemimpin terutamanya dalam bidang ketenteraan kerana ia memberi kesan kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti untuk keselamatan dan pertahanan negara. Justeru, di peringkat pendidikan tinggi, pembentukan pemimpin berkarismatik dalam kalangan pelajar perlulah diutamakan bagi melahirkan mereka yang dapat menyumbang dan menjayakan agenda pembangunan, keselamatan serta pertahanan negara tercinta ini. Rentetan itu, kajian ini akan memfokuskan kepada bidang kepimpinan karismatik yang melibatkan sekumpulan pelajar dalam sebuah institusi pendidikan tinggi yang terpilih.

Sehubungan dengan itu juga, pengertian yang dikemukakan oleh Waldman et al. (2001) yang menjelaskan tentang kepimpinan karismatik ialah hubungan antara individu pemimpin dengan pengikutnya iaitu para pengikut menterjemahkan sifat rasa suka dan selesanya kepada pemimpin. Hal ini dapat diperjelas lagi apabila pemimpin berkarisma berkomunikasi dengan para pengikutnya dan menekankan prestasi yang perlu dicapai oleh pengikut bagi merealisasikan visi yang ditetapkan (Waldman et al., 2001). Untuk itu, pemimpin berkarisma berupaya menganjak keperluan dan aspirasi pengikutnya daripada kepentingan peribadi kepada kepentingan bersama, di samping mempertingkatkan penyertaan dan komitmen pengikutnya ke arah pencapaian matlamat organisasi melalui motivasi yang diberikan berterusan supaya pengikutnya dapat menyumbangkan sesuatu yang di luar tanggungjawab asasnya (Bass, 1985; Yukl, 2002; Shamir et al., 1993; Conger & Kanungo, 1998). Mengikut pandangan Bryantampi (2014) bahawa ciri-ciri yang ada pada pemimpin yang berkarisma membuat para pengikutnya terpaku dan terpacu oleh kepimpinan yang luar biasa bilamana mengamati gelagat-gelagat yang dipamerkan oleh pemimpin mereka. Ciri-ciri pemimpin berkarisma ialah seperti suka berkongsi visi dan misi yang jelas dengan pengikutnya, bersedia menempuh risiko peribadi yang tinggi, peka kepada persekitaran serta mampu membuat perubahan dengan sumber yang ada, responsif terhadap kehendak pengikutnya dan sifat perilakunya yang tidak konvensional iaitu cenderung kepada gaya kepemimpinan transformasi (Bryantampi, 2014).

Banyak kajian lepas mengkaji peranan kepimpinan karismatik sebagai faktor penentu atau antisiden kepada hasilan seperti prestasi pekerja, kepuasan kerja dan komitmen organisasi (Babcock-Roberson & Strickland, 2010; Shamir et al., 1993). Perkara ini telah disahkan bahawa kepimpinan karismatik berupaya memberi kesan kepada hasilan-hasilan

tersebut. Menariknya, setelah dibuat tinjauan terperinci, timbul persoalan bagaimanakah mekanismanya untuk membina gaya kepimpinan karismatik ini? Terdapat sedikit kajian lepas yang menekankan pengaruh-pengaruh yang ada hubung kaitnya dengan pembangunan kepimpinan karismatik ini. Lebih-lebih lagi pengkaji-pengkaji sebelum ini terlepas pandang bahawa perlunya kajian berkaitan kesan faktor-faktor seperti jasmani dan rohani dalam membina pemimpin yang berkarisma khasnya di peringkat awalan pembentukan pemimpin iaitu dalam kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi di negara ini.

Tambahan pula, jasmani seseorang individu itu boleh diertikan sebagai jasad atau fizikal secara keseluruhannya atau sebagai anggota luaran dan dalaman seluruh tubuh yang dapat dilihat atau dirasa dan dipegang yang tergolong dalam aspek fisik-materi yang bersifat kebendaan (Abdul Basith 2012). Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, jasmani dapat diertikan secara operasionalnya sebagai pengukuran berdasarkan tahap berat dan tinggi yang menjelaskan indeks jisim badan (BMI) seseorang Pegawai Kadet Tahun Akhir, UPNM. Sementara itu, menurut Imam Ghazali (1988, 1058 – 1111), rohani pula didefinisikan sebagai perkara yang terdiri daripada akal, nafsu dan roh serta yang berkaitan dengan praktik dan amalan agama seperti solat, puasa, haji dan mengamalkan sifat-sifat *Mahmudah* (terpuji) dan menjauhi sifat-sifat *Mazmumah* (tercela). Manakala definisi oleh Abdul Basith (2012) juga menjelaskan rohani sebagai jiwa yang wujud dalam badan manusia yang membolehkan manusia membezakan baik atau buruk sesuatu itu. Rohani adalah spiritual yang berkaitan dengan rasa batin yang tidak boleh dilihat dan tidak boleh dinisbahkan dengan sifat kebendaan, meskipun sifat batin itu sendiri dapat terhasil atau terbit dari benda-benda. Secara operasinya, kajian ini mendefinisikan rohani sebagai amalan pengukuhan keimanan dan akhlak seseorang pegawai kadet berdasarkan amalan fardhu dan sunatnya.

Secara kesimpulannya, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji peranan antisiden jasmani dan rohani dalam membina kepimpinan karismatik dalam kalangan pelajar-pelajar khususnya para Pegawai Kadet Tahun Akhir di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

2. Sorotan Literatur

Jika disoroti kajian-kajian lepas berkenaan dengan pengaruh aspek jasmani dan rohani terhadap pembentukan kepimpinan karismatik dalam kalangan individu khususnya para pelajar di institusi pengajian tinggi

amat kurang dilaksanakan. Banyak kajian di Barat ataupun Timur lebih tertumpu kepada pengaruh kepimpinan karismatik dalam aspek fizikal sahaja. Kurang sekali kajian yang menumpukan kepada aspek kerohanian (spiritual) yang mempunyai hubungan individu dengan PenciptaNya.

2.1 Tahap Jasmani Terhadap Pembentukan Kepimpinan Karismatik

Aspek kecergasan jasmani amat berkait rapat dengan kondisi dan situasi kesihatan seseorang individu. Hal ini demikian kerana setiap aktiviti seseorang insan memerlukan sokongan jasmani atau fizikal yang sempurna dan sihat. Apatah lagi, aktiviti jasmani atau latihan fizikal seperti itu didokong sepenuhnya oleh pemimpin dalam sesbuah institusi (Fox et al., 2000). Malah, manusia yang ingin melakukan sesuatu pekerjaan yang berkesan seharusnya mempunyai kemampuan jasmani yang berupaya merealisasikan aktiviti berkenaan sebaik mungkin. Sehubungan dengan itu, sarjana telah mengaitkan kecergasan jasmani dengan aspek kesihatan seseorang seperti yang dinyatakan oleh Komariyah (2006) iaitu:

“Health is a relative state in which one is able to function well psychologically, mentally, socially and spiritually in order to express the full range of one’s unique potentialities within the environment in which one is living”.

Menerusi penakrifan di atas, jelas menunjukkan bahawa salah satu indikator bagi individu yang sihat selain dari aspek psikologi, mental, sosial dan kerohanian yang baik, kesihatan juga membabitkan kecergasan jasmani yang sempurna dan tidak keletihan selepas melakukan sesuatu kerja. Jika perkara ini dikaitkan dengan seseorang pelajar atau mahasiswa, maka aspek jasmani ini bertujuan meningkatkan prestasi mereka serta mempertingkatkan kemampuan dalam pembelajaran yang akhirnya membentuk seseorang pemimpin yang berkarisma.

Aspek penjagaan jasmani yang baik juga ditekankan dalam pendalilan Al-Qur'an dan As-Sunnah yang mana ianya berupaya membentuk pemimpin yang berkarisma. Salah satu cara penjagaan jasmani yang kuat adalah melalui pemakanan yang sihat. Kesihatan yang baik membawa kepada jasmani yang kuat dan teguh. Ini dinyatakan dalam al-Qur'an: *“Makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan”*. (Al-A'raf: 31). Ayat al-Qur'an tersebut diperkuatkan lagi

dengan *hadith* Nabi (SAW) yang menekankan betapa pentingnya penjagaan pemakanan yang tidak berlebihan: “*Kami adalah satu kaum yang tidak makan sebelum lapar dan apabila kami makan tidak terlalu banyak (tidak sampai kekenyangan)*”. Tidak syak lagi bahawa contoh terbaik dalam penjagaan kesihatan dan pemakanan adalah junjungan mulia Nabi Muhammad (SAW). Di samping itu, kekuatan jasmani dan kaitannya dengan kepimpinan berkarismatik perlu diambil contoh daripada perbuatan Nabi Muhammad (SAW) yang gemar bersukan untuk menguatkan fizikal. Ini dibuktikan dengan saranan Nabi (SAW): “*Setiap sesuatu yang bukan merupakan zikir kepada Allah adalah permainan dan kelalaian kecuali empat perkara: seorang lelaki berjalan di antara dua sasaran (memanah), seseorang yang melatih kudanya, belaian seorang suami terhadap isterinya dan mengajar untuk berenang*”. (*Hadith* riwayat Imam at-Thabrani, 1983). *Hadith* berikutnya: “*Ajarkanlah anak-anak kalian berenang, memanah dan menenun bagi anak perempuan*”. (*Hadith* riwayat Imam Baihaqi, 1989). Dapat disimpulkan di sini bahawa betapa pentingnya saranan Nabi (SAW) terhadap sukan untuk memberikan kekuatan kepada jasmani. Apabila badan atau fizikal sihat, maka akal akan bertambah cerdas.

Sehubungan dengan itu lagi, terdapat kajian yang telah dijalankan oleh Ghazali et al. (2014) terhadap para pelajar di IPT Malaysia dan Indonesia dalam membentuk indikator pengukuran yang lebih jelas khususnya bagi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI). Mereka telah menggunakan jadual Indeks Jisim Badan (BMI) bagi mengukur kecergasan jasmani dalam kalangan responden kajian. Oleh itu, pengkaji turut menggunakan jadual seperti di bawah sebagai panduan pengukuran untuk menilai sama ada wujud tahap jasmani yang sihat berdasarkan BMI yang normal yang berupaya membentuk kepimpinan karismatik dalam kalangan pelajar Pegawai Kadet Tahun Akhir di UPNM.

Jadual 1. Indeks jisim badan (BMI) bagi individu berumur 19-24 tahun

BMI	Kategori
Kurang 18.5	Kurus/ Kurang Berat
18.5 -24.9	Normal/ Ideal
25 – 29.9	Gemuk/ Berat Badan Berlebihan
Lebih 30	Sangat Gemuk @ Obes

Sumber: Ghazali dan rakan-rakan (2014, m/s 62)

Rentetan itu, penelitian terhadap sorotan literatur tentang aspek kecerdasan jasmani jelas berupaya mempengaruhi kepimpinan khususnya kepada pelajar secara tidak langsung dalam menyumbang ke arah pembentukan kepimpinan mereka. Oleh itu, satu kajian yang mendalam harus dilaksanakan untuk membuktikan tahap jasmani seseorang pelajar tersebut mampu memberi impak kepada kepimpinan semasa berada di IPT khususnya di UPNM sebagai bakal pemimpin tentera pada masa hadapan.


2.2 Hubungan Antara Rohani dan Kepimpinan Karismatik

Kajian terhadap pengaruh aspek kerohanian dan hubungannya dengan kepimpinan dalam sesebuah organisasi banyak dikaji oleh sarjana Barat dan Timur sejak dahulu lagi. Hasil kajian tersebut secara konsisten membuktikan bahawa nilai dan amalan seseorang pemimpin yang berupaya memotivasi pekerja bawahannya, mampu mewujudkan budaya etika yang positif, menggalakkan nilai amanah dan integriti, menjalankan hubungan yang erat antara warga kerja serta mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan; kesemua itu adalah berpunca daripada aspek kerohanian yang tinggi dalam jiwa individu tersebut. Nilai dan amalan kerohanian juga mendorong seseorang pemimpin untuk meningkatkan produktiviti organisasinya, mengurangkan kadar pusing ganti, memajukan kelestarian dan meningkatkan tahap kesihatan jasmani para pekerjanya. Malah, amalan kerohanian yang dipraktikkan secara bersama antara pihak pengurusan dengan orang bawahannya akan melahirkan suasana kepimpinan organisasi yang efektif dan berkesan (Hicks, 2002).

Pada dasarnya, tujuan aspek rohani dalam Islam adalah untuk menghasilkan perubahan, pemberian, kesihatan dan kesopanan tingkah laku yang dapat memberi manfaat pada diri. (Adzaki, 2004: 221). Daripada sudut agama Islam, kekuatan rohani menjadi asas kepada

peribadi dan tingkah laku setiap manusia. Ini dibuktikan dengan apa yang terdapat di dalam *hadith* Nabi (s.a.w.) yang bermaksud: “*Bahawa di dalam diri setiap manusia ada segumpal daging, apabila ia baik maka baiklah amalananya, dan apabila ia rosak, maka rosaklah segala amal perbuatannya. Gumpalan daging tersebut adalah hati*”. (*Bukhari*). *Hadith* tersebut jelas menyatakan bahawa segala perbuatan manusia samada baik atau buruk bermula daripada ‘hati’. Ia adalah rentetan daripada ciri ‘hati’ yang memiliki nilai ketuhanan (*Fitrah Ilahiyyah*) (Abdul Mujib, 2002). Pemimpin berkarismatik perlu mempunyai rohani yang kuat.

Perkara ini telah mendorong pengkaji untuk mengukur secara terperinci sifat perhubungan antara jasmani dan rohani dengan kepimpinan karismatik ini. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk menjawab dua objektif utama: Pertama, mengkaji perhubungan antara jasmani dengan kepimpinan karismatik dalam kalangan pelajar Pegawai Kadet Tahun Akhir di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Kedua, mengkaji perhubungan antara aspek rohani dengan kepimpinan karismatik para pelajar. Seterusnya, daripada perbincangan kajian-kajian literatur yang dinyatakan ini dapatlah pengkaji membentuk dan membina kerangka konseptual kajian seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1 di bawah



Rajah 1. Kerangka konseptual kajian

Berdasarkan kerangka konseptual kajian ini, pengkaji dapat merangka dua (2) hipotesis yang akan diuji seperti berikut:

H1: Ramai yang mempunyai tahap jasmani yang sihat berdasarkan BMI yang normal dapat menyumbangkan pembentukan kepimpinan karismatik dalam kalangan pelajar Pegawai Kadet Tahun Akhir di UPNM.

H2: Terdapat perhubungan yang positif antara aspek rohani dengan pembentukan kepimpinan karismatik dalam kalangan pelajar Pegawai Kadet Tahun Akhir di UPNM.

3. Metodologi

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan gabungan antara kaedah kuantitatif dengan kajian tinjauan secara penghantaran borang soal selidik kepada responden yang dipilih secara Pensampelan Rawak Mudah khususnya kepada para pelajar Tahun Akhir dikalangan Pegawai Kadet daripada tiga (3) fakulti di UPNM. Fakulti yang terlibat adalah FPPP, FKJ, FSTP. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan supaya dapat memastikan responden yang bersifat homogenus berpeluang untuk dipilih bagi menjawab soal selidik yang diedar. Sumber dari Unit Rekod dan Peperiksaan, Bahagian Pengurusan Akademik UPNM menjelaskan terdapat seramai 600 pelajar dalam kalangan Pegawai Kadet Tahun Akhir yang berstatus aktif sedang belajar dalam tiga (3) buah fakulti di universiti ini. Jumlah ini mewakili jumlah populasi di tempat kajian yang memperuntukkan sebanyak 300 jumlah saiz sampel kajian (Krejcie & Morgan, 1970) seperti yang disarankan oleh Sekaran dan Bougie (2010). Kajian rintis turut dilakukan bagi memastikan tahap keesahan instrumen berada pada tahap yang tinggi dan sah sebelum dijalankan penyelidikan yang sebenar.

Manakala, skop kajian ini lebih tertumpu kepada aspek jasmani dan rohani yang mempengaruhi pembentukan kepimpinan berkarisma dalam kalangan pelajar pegawai kadet tahun akhir. Kaedah kuantitatif secara kajian tinjauan ini dapat membantu menghasilkan keputusan yang tepat berdasarkan analisis statistik yang dijalankan. Kajian kuantitatif ini dijalankan di sebuah Universiti Awam (UA) yang berteraskan aspek keselamatan dan pertahanan di Kuala Lumpur. Pengkaji telah mendapat surat kebenaran terlebih dahulu daripada semua dekan fakulti pengajian yang terbabit. Peringkat awal pengumpulan data, pengkaji merujuk kepada kajian literatur yang lepas dalam membina item-item instrumen yang berkaitan. Seterusnya dirujuk kepada pakar dalam bidang yang sama bagi memastikan item tersebut tepat mengukur apa yang hendak ditanyakan. Selepas itu, kajian rintis dijalankan kepada 30 orang pelajar Pegawai Kadet Tahun Akhir dari pelbagai fakulti pengajian.

Dapatkan kajian rintis menunjukkan nilai Alpha Cronbach bagi setiap item adalah pada tahap kebolehpercayaan yang tinggi mele过asi 0.60 (Sekaran dan Bougie, 2010). Setiap item yang kurang sesuai, tidak

difahami telah diperbaiki dan memilih soalan yang relevan dengan objektif dan hipotesis yang hendak diukur. Oleh itu, borang soal selidik yang telah disemak dibahagikan kepada tiga bahagian: Pertama, aspek demografi responden yang hanya digunakan sebagai pemboleh ubah kawalan sahaja dalam kajian ini. Kedua, soal selidik berkenaan dengan rohani dan bahagian ketiga berkaitan dengan kepimpinan karismatik. Kesemua item adalah menggunakan Skala Likert Lima Mata yang mempunyai lima (5) pilihan jawapan yang bermula dari ‘Sangat Tidak Setuju’ (1) hingga ‘Sangat Setuju’ (5).

Dalam kajian sebenar, untuk memastikan kadar maklum balas soal selidik yang dapat mewakili saiz sampel sebenar, maka jumlah borang soal selidik yang telah diedar ditambah dua kali ganda. Kadar respon dan borang soal selidik yang lengkap diisi telah diterima sebanyak 312 untuk dianalisis. Analisis menggunakan perisian SPSS versi 20 yang melibatkan penapisan data, ujian deskriptif bagi data bukan parametrik khasnya yang melibatkan pengukuran Indeks Jisim Badan (BMI) pelajar bagi menilai pemboleh ubah jasmani. Pengukuran tersebut merujuk kepada Jadual 1 seperti yang dibincangkan dalam sorotan literatur di atas. Analisis juga menggunakan persian AMOS versi 20 bagi analisis keesahan faktor, ujian korelasi dan regrasi data-data berbentuk parametrik (bagi pembolehubah rohani dan kepimpinan karismatik) yang berdasarkan kaedah model persamaan struktur (SEM).


Sumber instrumen daripada beberapa penyelidikan lepas telah diadaptasi bersesuaian dengan kajian ini bagi membina skala pengukuran untuk setiap konstruk dalam kajian. Oleh yang demikian, bagi mengukur kepimpinan karismatik, lapan item telah diadaptasi dari instrumen kajian oleh Bass dan Avolio (1995). Di samping itu, tujuh (7) item diadaptasi dari instrumen kajian oleh Ghazali et al. (2014) untuk memastikan item-item ini menepati konteks kajian ini dalam mengukur pemboleh ubah rohani para pegawai kadet.

4. Hasil Analisis

Berdasarkan analisis profil demografi, keputusan menunjukkan 71% responden adalah lelaki dan 29% adalah perempuan. Sementara itu, paling ramai responden iaitu 38% adalah pegawai kadet tahun akhir dari Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan. Didapati 75% responden adalah mereka yang memperolehi PNGKS (Purata Nilai Gred Kumpul Semasa) antara 2.70-4.00. Manakala PNGKS kurang dari 2.70 adalah 25% sahaja. Ujian Indeks Jisim Badan (BMI) menunjukkan majoriti (88%) responden

berada pada tahap normal (ideal) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di atas. Umumnya analisis BMI ini mewakili tahap jasmani responden yang utuh dan stabil yang menyokong kepada keupayaan pengamalan sifat-sifat kepimpinan yang berkarisma. Dengan ini, hipotesis 1 adalah disokong.

Analisis Keesahan Faktor dilaksanakan menggunakan AMOS untuk membuktikan kesahihan konstruk yang digunakan dalam kajian ini iaitu dengan menentukan nilai faktor ampungan untuk setiap item apabila model kesamaan struktur mencapai tahap yang bertepatan (*model fit*). Kesahihan konstruk dibuktikan apabila tiada item yang nilai faktor ampungannya kurang dari 0.50 seperti digambarkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Model persamaan struktur hipotesis

Model yang bertepatan ini (*model fit*) ini dicapai melalui pembuangan dua item dalam konstruk rohani dan tiga item kepimpinan karismatik. Item-item yang dibatalkan ini merujuk kepada nilai sumbangan pada kesilapannya adalah tinggi dalam jadual output *modification indices AMOS*. Indikator model yang *fit* ini dicapai seperti dalam Rajah 2 (Model Persamaan Struktur Hipotesis) di atas yang menunjukkan nilai RMSEA 0.031 iaitu kurang dari 0.080 dan nilai GFI, AGFI, TLI dan CFI melapasi 0.90 (Hair et al., 2010). Di samping itu, keputusan ujian kebolehpercayaan berdasarkan nilai *Alpha Cronbach* menunjukkan nilai kepimpinan karismatik adalah 0.80 dan rohani bersamaan 0.80 juga. Hal ini menunjukkan konstruk-konstruk ini mempunyai konsistensi dalam yang diterima pakai daripada paten jawapan-jawapan yang diberi oleh para responden dalam soal selidik berkenaan. Keputusan ujian regresi SEM AMOS berdasarkan model dalam Rajah 1 di atas menunjukkan faktor rohani mempunyai hubungan positif dan memberi kesan yang signifikan kepada pembentukan kepimpinan berkarisma dengan nilai Beta adalah 0.23 pada aras signifikan $p<0.001$. Perubahan 100% pada faktor eksogenus ini memberi kesan perubahan iaitu nilai *R square* sebanyak 5.1% sahaja pada konstruk endogenus (Rujuk Jadual 2 SEM AMOS). Kajian ini telah membuktikan bahawa hipotesis 2 adalah disokong.

Jadual 2. Hubungan R^2

Pemboleh ubah	<i>Estimate</i>
KARIS	.051
karisma5	.310
karisma4	.377
karisma3	.434
karisma2	.341
karisma1	.308
rohani5	.248
rohani3	.403
rohani2	.682
rohani1	.647

5. Perbincangan

Kajian ini mempunyai matlamat untuk mendapatkan bukti empirikal dari konteks kepimpinan pelajar khususnya Pegawai Kadet UPNM dengan mengkaji kesan-kesan jasmani dan rohani dalam membina kepimpinan berkarisma dalam kalangan mereka. Sebenarnya, keputusan kajian mengesahkan jumlah yang tinggi dalam kalangan Pegawai Kadet yang mempunyai BMI yang normal/ideal dapat menyokong ke arah pembentukan kepimpinan karismatik dalam kalangan mereka. Kajian ini juga menemukan dapatan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan dan positif bagi faktor rohani Pegawai Kadet terhadap pembentukan kepimpinan karismatik. Kedua-dua keputusan ini dapat dijelaskan bahawa para Pegawai Kadet menyedari dan memahami tentang penjagaan tahap jasmani yang baik serta pengasahan nilai rohani yang tajam menjadi asas dalam mereka mempersiapkan diri untuk menjadi seorang pemimpin berwibawa yang bersifat karismatik khasnya. Dapatan kajian ini selaras dengan saranan yang dinyatakan oleh Ghazali et al. (2014) yang menyatakan bahawa aspek jasmani dan rohani adalah saling mempengaruhi dalam pembentukan pemimpin yang berkarisma. Tambahan lagi, para Pegawai Kadet bermotivasi tinggi untuk menonjolkan gaya kepimpinan berkarisma apabila mereka percaya terhadap prosedur dan polisi penjagaan jasmani dan rohani yang mantap yang dianjurkan oleh UPNM. Penerimaan dan amalan berterusan penjagaan jasmani dan peningkatan nilai rohani oleh mereka dapat menjadi pemangkin kepada pembinaan kepimpinan berkarisma. Keputusan kajian ini menyamai dan menyokong kajian-kajian lepas iaitu kajian yang dijalankan oleh Hicks (2002) dan kajian oleh Fox et al. (2002), walaupun mereka melakukan kajian dalam konteks dan penyusunan yang berbeza dengan kajian ini.

6. Kesimpulan

Secara tuntasnya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap jasmani seseorang pelajar khususnya Pegawai Kadet di UPNM adalah secara majoritinya pada tahap BMI yang normal yang menjadi syarat penting dalam pembentukan kepimpinan karismatik di kalangan mereka. Selain itu, aspek kerohanian juga berperanan penting dan mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan kepimpinan karismatik dalam kajian ini. Justeru, pihak pengurusan institusi harus mengambil berat tentang kedua-dua elemen ini terutamanya dalam merangka kurikulum pengajian dan

latihan ketenteraan agar dapat melahirkan pelajar yang mempunyai nilai Leaders of Character (LofC) yang mempunyai unsur karismatik sepetimana ditetapkan oleh pihak universiti. Hasil kajian ini juga berupaya menyokong penemuan-penemuan daripada kajian-kajian terdahulu dan diharapkan kajian-kajian selanjutnya dapat diteruskan dalam konteks yang berbeza serta menggunakan model kajian yang lebih besar melalui penggunaan pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar baharu yang relevan kepada pembentukan kepimpinan karismatik.

7. Rujukan

- Abdul Basith. (2012). Keindahan Islam: hikmah-hikmah di sebalik pensyariatan. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Abdul Mujib. (2002). Nuansa-nuansa psikologi Islam. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Abu Bakar Husain al-Baihaqi. (1989). Syu'bal Iman al-Baihaqi, bab fi huquqi wal auladina wa ahlina wa hiya qiyam. Beirut: Darul Kutub 'Ilmiyah. Juz VI, Hadith 8664, m.s. 401.
- Abu Hamid Muhammad al-Ghazali. (1988). Ihya' ulumuddin. Singapura: Pustaka Nasional. m.s. 1058-1111.
- Al-Bukhari. Shahih al-Bukhari. Kitab al-iman, bab fada'il man istabra' li dinih. No. hadith: 50.
- At-Thabrani, Sulaiman bin Ahmad bin Ayub Abu al-Qasim. (1983). Al-Mu'jam al-kabir fi bab al-jim. Al-Mausul. Maktabah al-'Ulum wal Hikam. Juz II, m.s. 193.
- Azman, I., Mohd Hamran, M., Hasan Al-Banna, M., Nurhana, M. R., & Woon, P. Z. (2010). Transformational and transactional leadership styles as a predictor of individual outcomes. *Theoretical and Applied Economics*, XVII(6), 89-104.
- Babcock-Roberson, M. E., & Strickland, O. J. (2010). The relationship between charismatic leadership, work engagement, and organizational citizenship behaviors, *The Journal of Psychology*, 144, 313-326.

- Bakker, A. B., & Xantopoulou, D. (2013). Creativity and charisma among female leaders. The role of resources and work engagement. *The International Journal of Human Resource Management*, 24(14), 2760-2779.
- Bass, B. M. (1985). Leadership and performance beyond expectations. Free Press New York. NY.
- Bryan, J. T. (2014). Pengaruh Gaya kepimpinan dan motivasi terhadap kinerja karyawan pada PT Bank Negara Indonesia, TBK. *Jurnal Acta Diurna*, 3(4), 1-20.
- Conger, J. A., & Kanungo, R. N. (eds.) (1998). Charismatic leadership in organizations. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Danim, S. (2004). Motivasi kepemimpinan dan efektivitas kelompok. Penerbit Rineka Cipta.
- Fox, L. D., Rejeski W. J., & Gauvin, L. (2000). Effects of leadership style and group dynamics on enjoyment of physical activity. *American Journal of Health Promotion*, May/June, 14(5), 277-283.
- Ghazali Darussalam, Wan Hasmah Wan Mamat & Zaharah Hussain. (2014). Pembangunan model pentaksiran jasmani, emosi, rohani, intelek (JERI) di institut pengajian tinggi awam Malaysia dan Indonesia. 3rd International Seminar on Quality and Affordable Education, November, 620-639.
- Hicks, Douglas A. (2002). Spiritual and religious diversity in the workplace: Implications for leadership. *The Leadership Quarterly*, 13(4), August, 379-396.
- Huang, X., Jun, J., Liu, A., & Gong, Y. (2010) Does participative leadership enhance work performance by inducing empowerment or trust? the differential effects on managerial and non-managerial subordinates. *Journal of Organizational Behavior*, 31, 122-143.
- Judge, T. A., Bono, J. E., Ilies, R., & Gerhardt, M. W. (2002). Personality and leadership: A qualitative and quantitative review. *Journal of Applied Psychology*, 87, 765-780.

Keberkesanan Kepimpinan Berkarisma Melalui Aspek Jasmani Dan Rohani

Komariyah Lilis. (2006). Ilmu kesihatan olahraga (sport medicine). Bandung. PT Remaja Rosdakarya. m.s. 36.

M. Hambdani Bakran Adz Dzaky (2004). Kaunseling dan psikoterapi Islam. Yogyakarta. Fajar Pustaka. m.s. 1058-1111.

Mohd Hamran, M., Zulkiflee, D. & Khulida Kirana, Y. (2014). Impact on employees' good governance characteristics. The role of transformational leadership as determinant factor. International Journal of Science, Environment and Technology, 3(1), 320-338.

Mohd Hamran, M., Zulkiflee, D., Khulida Kirana, Y., & Hasan Al-Banna, M. (2015). Perceived transformational leadership style as determinant of subordinates' trust. Perspective of Malaysian local authorities. Journal for Studies in Management and Planning, 1(8), 331-345.

Shamir, B., House, R. J., & Arthur, M. B. (1993). The motivational effects of charismatic leadership: A self-concept based theory, Organizational Science, 4, 577-594.

Shams Ul-Huda. (2014). Autocratic leadership in nursing. i-Manager's Journal on Nursing, 4(3), 25-29.

Somech, A. (2005). Directive versus participative leadership: Two complementary approaches to managing school effectiveness. Educational Administration Quarterly, 41(5), 777-800.

Waldman, D., Ramirez, G., House, R., & Puranam, P. (2001), Does leadership matter? CEO leadership attributes under conditions of perceived environmental uncertainty. Academy of Management Journal, 44, 134-143.

Yukl, G. (2002). Leadership in organization. (5th ed.). Prentice Hall. Englewood Cliffs. NJ

